

01 FEB 2000

Mahathir-Bank

MASIH SUKAR BAGI BANK TEMPATAN UNTUK BERSAING, KATA MAHATHIR

SEPANG, 1 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkarta hari ini bank-bank Malaysia masih mendapati sukar untuk bersaing dengan bank asing walaupun sesudah bergabung menjadi bank yang lebih besar.

Ini kerana walaupun bank-bank tempatan itu telah bergabung untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam menghadapi persaingan, bank asing yang memang lebih besar itu juga melakukan perkara yang serupa, katanya.

Beliau berkata dengan itu bank-bank asing itu menjadi semakin besar lagi dan tidak akan mudah bagi bank tempatan untuk bersaing dengan mereka.

"Dalam hal ini saya sendiri mempunyai keraguan kerana bank-bank asing juga sedang melakukan penggabungan," kata Dr Mahathir pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini sekembalinya dari bercuti selama tiga minggu di luar negara.

Beliau ditanya mengenai langkah penggabungan di kalangan bank tempatan dan sama ada ekoran langkah itu bank-bank tempatan akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi saingan daripada bank asing.

Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman mengumumkan semalam bahawa semua institusi perbankan telah menepati tarikh akhir 31 Jan untuk mereka mengemukakan cadangan penggabungan yang lengkap.

Menurutnya Bank Negara telah menerima 10 cadangan penggabungan dan telah mula meneliti permohonan yang diterima.

Dr Mahathir berkata sesetengah daripada mereka dalam bidang kewangan yang beliau temui berasa puas hati dengan kemajuan langkah penggabungan itu di samping langkah penyusunan semula institusi kewangan.

Bagaimanapun kata beliau, ada Faktor lain yang masih perlu diambil kira.

"Sebagaimana yang telah saya katakan kepada banyak pihak, terdapat kecenderungan berlakunya oligopoli (kawalan terhadap sesuatu komoditi atau perkhidmatan dalam pasaran oleh sejumlah kecil syarikat atau pembekal), yang bermakna dalam dunia ini akan terdapat umpamanya lima buah bank yang besar atau lima syarikat automobil," kata beliau.

Dr Mahathir berkata dalam senario seperti itu, hanya akan terdapat industri bersaiz gergasi yang menguasai yang lain. Beliau menyebut industri pesawat terbang yang kini mempunyai hanya dua syarikat.

Katanya, ini adalah hasil apa yang dinamakan proses globalisasi yang menyebabkan negara-negara kecil mempunyai suara yang semakin kurang dan memperolehi faedah yang semakin kurang.

Dr Mahathir berkata inilah sebabnya beliau berhasrat untuk menarik perhatian Forum Ekonomi Sedunia di Davos bahawa globalisasi nampaknya diterjemahkan atau diberi interpretasi dalam satu cara sahaja.

"Pada pendapat kita mungkin ada banyak interpretasi yang berbeza mengenai globalisasi. Mungkin ada interpretasi yang boleh menguntungkan negara lebih kecil," kata Dr Mahathir yang tidak menghadiri forum itu.

Beliau berkata syarikat di negara-negara sedang membangun diharapkan untuk bersaing dengan syarikat dari negara maju yang sudah bergabung.

"Ini tidak munasabah... kita semua pasti akan ditelan. Saya tidak menentang globalisasi tetapi menentang interpretasi globalisasi itu," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM AR NMO